

**JAWATAN: PENOLONG JURUTERA GRED JA29**

<b>Kumpulan</b>	<b>:</b>	<b>Pelaksana</b>
<b>Jadual Gaji</b>	<b>:</b>	<b>RM1,549.00 – RM5,701.00</b>
<b>Taraf Jawatan</b>	<b>:</b>	<b>Tetap</b>

**SYARAT LANTIKAN**

1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) i) Sijil dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan: RM1,549.00); atau
- ii) Diploma dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan: RM1,935.02)
- b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**PENINGKATAN SECARA LANTIKAN (PSL)**

2) Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Kemahiran, Pemeriksa Kereta Motor Gred AB19, AB22 dan AB26, Penjaga Jentera Elektrik dan Merinyu Tali Air adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Jurutera Gred JA29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- a) i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(a); atau
- ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
- b) had umur pelantikan:
  - i) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
  - ii) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
  - iii) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan 60 tahun.

### **SYARAT TAMBAHAN UNIVERSITI**

- 3) Calon yang mempunyai pengalaman bekerja di institusi kesihatan akan diberi keutamaan.
- 4) Bidang/pengalaman kerja yang diberi keutamaan adalah:
- Kejuruteraan Elektronik
  - Kejuruteraan Biomedikal
  - Kejuruteraan Awam
  - Kejuruteraan Elektrik
  - Kejuruteraan Mekanikal
  - Kejuruteraan Kimia

### **RINGKASAN TUGAS**

Bertanggungjawab menjalankan aktiviti kejuruteraan elektronik/biomedikal/mekanikal/awam/elektrik/kimia, penyenggaraan mesin, proses perolehan, kerja baikpulih, menyelenggara dan mengurus rekod berkaitan, yang diarahkan bagi keperluan jabatan.